

01/05/2004

Dr M nasihat peneroka usah jual tanah

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan peneroka Felda supaya tidak menjual tanah mereka, sebaliknya menggabungkannya menjadi ladang besar serta diurus pihak yang mempunyai kepakaran mengurus.

Melalui cara itu peneroka akan terus mendapat sumber pendapatan hasil jualan kelapa sawit atau getah jika anak mereka tidak berminat menjadi peneroka selepas memasuki universiti dan memiliki kelulusan tinggi.

Katanya, peneroka hendaklah menjauhi sikap ingin kaya dengan cara mudah tanpa perlu berusaha kerana ia boleh menyebabkan mereka kembali menjadi susah dan hidup menderita.

"Janganlah apa yang kita miliki digadai dan jual pada orang lain kerana dulu kita (orang Melayu) pernah terpencil dan berada di luar bandar disebabkan kita menjual harta dan tanah di bandar serta kita berundur jauh hampir tinggal dalam hutan.

"Selepas merdeka kita balik ke bandar. Janganlah sekali lagi kita menjual harta dalam bandar dan akhirnya balik hampir ke hutan seperti dulu," katanya pada majlis makan malam Jasamu Dikenang anjuran Felda, di sini malam tadi.

Dr Mahathir berkata, sebelum Felda diwujudkan, orang Melayu tidak mampu memiliki tanah dan ladang yang luas walaupun berusaha membanting tulang siang malam kerana tiada modal.

Bagaimanapun, katanya, hasil pemikiran pemimpin negara, terutama Perdana Menteri kedua, Tun Razak Hussein, satu skim penerokaan tanah dengan bantuan kerajaan diwujudkan dan setiap peneroka diberi empat hektar tanah.

"Tanah ini dicantum menjadi ladang besar supaya dapat keuntungan sama seperti ladang lain yang diusahakan oleh orang Inggeris, Eropah serta orang Cina di Malaysia.

"Melalui cara ini, Felda bukan saja memiliki ladang terbesar di dunia iaitu seluas 800,000 hektar, tetapi peneroka dapat hidup lebih baik berbanding jika meneroka sendiri untuk membuka tanah," katanya.

(END)